

UUM/0003 / um / 04.09.2001 / p: u (1).

um 04/09/2001 11:1
UUM/12

Naib Canselor UUM berasa lega

ALOR SETAR 3 Sept. — Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri berkata, beliau merasa lega kerana pendedahannya mengenai kewujudan gerakan bawah tanah di universiti-universiti tempatan kini semakin terbongkar.

Katanya, apa yang dilakukan sebelum ini bukanlah bertujuan mencari publisiti seperti tanggapan sesetengah pihak tetapi berusaha membanteras kegiatan yang jelas melemahkan bangsa dan negara.

"Ada pihak mengatakan tujuan saya ialah mencari publisiti. Tetapi sebagai seorang yang diasuh dalam ketenteraan selama 26 tahun, keselamatan negara adalah menjadi keutamaan saya.

"Pengakuan daripada pelajar sendiri malah sekarang ini kerajaan juga begitu mengambil berat dengan fenomena yang wujud, cukup melegakan saya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.